



4 Jun 2021

Tawaran Istimewa Volkswagen Sepanjang Jun

- Penjimatan eksklusif sehingga RM5,000 di eShowroom
- Pelan pembayaran 0% ke atas servis dan pembaikan di beberapa pengedar terpilih
- Pakej aksesori baharu Tiguan Allspace kini ditawarkan dengan diskaun sebanyak 15%
- Pusat servis Volkswagen tetap beroperasi sepanjang PKP

KUALA LUMPUR – Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) hari ini mengumumkan tawaran istimewa yang tidak wajar dilepaskan sepanjang Jun.

Eksklusif di eShowroom

Promosi Jun menyaksikan peningkatan penjimatan sebanyak RM1,500 untuk pembelian varian Passat dan RM1,000 bagi model Tiguan Allspace Highline.

Model Passat kekal menjadi pilihan dalam kalangan pelanggan di Malaysia. Mereka yang ingin membeli sedan saiz sederhana paling laris di dunia ini akan menerima penjimatan tambahan dalam talian pada bulan ini apabila membuat tempahan di [eShowroom](#). Passat Elegance dan varian lebih sporty, Passat R-Line kini hadir dengan penjimatan eksklusif sebanyak RM5,000 di samping promosi sedia ada.

Bagi peminat SUV pula, sila manfaatkan peluang penjimatan sebanyak RM4,500 di eShowroom, selain promosi sedia ada yang ditawarkan ke atas jentera tujuh tempat duduk yang luas, Tiguan Allspace Highline.

Pelan pembayaran selepas jualan dengan kadar faedah 0%



Kemudahan pelanggan sentiasa menjadi keutamaan Volkswagen dalam usahanya untuk menambah baik aspek pemilikan kenderaan. Jadi, bermula 1 Jun, pelanggan boleh mendapatkan kewangan yang lebih fleksibel melalui pelan ansuran [0% tanpa faedah](#), ketika membayar kos servis atau pembaikan menggunakan kad kredit. Boleh didapati di pusat servis sah Volkswagen

Press contact

Dawn Ling
Manager, VPCM
Tel: 012 – 474 3007
E: dawn.ling@vw.com.my

Yani Fadzil
Senior Manager, VPCM
Tel: 012 – 212 8977
E: yani.fadzil@vw.com.my




Click to subscribe to our social media channels

More information at:
Volkswagen Malaysia [website](#)
Volkswagen [newsroom](#)



yang terpilih, pelan pembayaran itu boleh dibahagikan kepada 6 atau 12 bulan, bergantung kepada bank yang dipilih. Pemilik dinasihatkan supaya bertanya kepada pengedar mengenai terma dan syaratnya secara spesifik.

Pakej Aksesori Tiguan Allspace



Pemilik Tiguan Allspace akan menikmati diskaun sebanyak 15% apabila membeli pakej aksesori baharu untuk varian Highline dan R-Line.


Dengan tawaran ini, pakej aksesori Tiguan Allspace Highline ditawarkan pada harga RM1,082. Pakej aksesori tersebut merangkumi scuff plate, pedal aluminium (1 set), pelindung bucu (load edge protector), penahan lumpur belakang (1 set), pemijak sisi dan pelapik ruang kargo (luggage compartment liner).

Pakej aksesori Tiguan R-Line pula berharga RM4,464 dengan penjimatan sebanyak RM787. Pakej itu terdiri daripada pelindung bucu, pemijak sisi dan pelapik ruang kargo.

Tempahan untuk membeli kit dan temu janji pemasangan boleh diuruskan dengan menghubungi pusat servis Volkswagen.

Kempen Servis Volkswagen

Berikutan maklum balas yang sangat memberangsangkan, kempen Servis Selepas Jualan telah dilanjutkan hingga 30 Jun. Pemilik yang menghantar kenderaan untuk diservis akan menikmati penjimatan sebanyak 20% ke atas minyak enjin tulen*. Mereka yang berbelanja minimum RM1,200 pula akan menerima kit penjagaan kereta secara percuma** yang merangkumi pengilat wax, syampu wax, pengilat cermin, penjagaan plastik dan kulit dalam botol 50ml.



Media Information



Di bawah inisiatif 'Safe Hands', pusat servis Volkswagen akan mengikuti garis panduan yang ketat. Ia merangkumi penerimaan kenderaan tanpa sentuhan, penerangan kereta melalui video, sanitasi sebelum dan selepas servis, serta pembayaran tanpa tunai melalui e-invois.

Para pemilik kenderaan dinasihatkan supaya menempah slot servis mereka secara [dalam talian](#). Mereka juga boleh memilih perkhidmatan ambil dan hantar kereta untuk diservis secara percuma tanpa perlu keluar dari rumah. Waktu operasi pengedar boleh didapati di [laman web](#).

###

Nota editor

*Tidak boleh disekalikan dengan promosi jualan sedia ada atau menggunakan baucar VCP

** Sementara stok masih ada

Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) is the official distributor of Volkswagen cars in Malaysia. With long-term business aspirations in the region VPCM's primary focus is on sales strategies through future products, strengthening the Volkswagen dealer network and service and parts availability. VPCM is managed by European automotive retail specialist, Porsche Holding Salzburg, is one of the largest and most successful automotive distributors in Europe. The Salzburg-based company was founded in 1947 and operates today in 26 markets in Western- and South-eastern Europe, China, and in Colombia and Chile in South America.
